

## **MAJLIS PEMBUKAAN SEMINAR KE ARAH PENINGKATAN PROGRAM PENCEGAHAN RASUAH DALAM PERKHIDMATAN AWAM**

THE PUTRA WORLD INTAN, BUKIT KIARA, KUALA LUMPUR, 17 OKTOBER 1988

Tuan Haji Zulkifli Mahmood, Ketua Pengarah Badan Pencegah Rasuah; Dif-Dif Kehormat; Para Peserta Seminar; Tuan-tuan dan puan-puan sekalian; Saya mengucapkan terima kasih kepada Badan Pencegah Rasuah (BPR) kerana menjemput saya untuk merasmikan seminar 'Ke Arah Peningkatan Program Pencegahan Rasuah Di Dalam Perkhidmatan Awam' ini. Seminar ini merupakan yang julung kali diadakan sempena genapnya 21 tahun penubuhan BPR. Seminar ini amatlah penting bukan sahaja kerana para pesertanya terdiri daripada Ketua-ketua Jabatan peringkat Kementerian, Jabatan Persekutuan dan juga Negeri, malahan juga kerana ianya penting dalam usaha membasmi masalah rasuah di negara kita.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

2. Rasuah adalah satu penyakit sosial yang terdapat di mana-mana sahaja di dunia. Hanya yang membezakan antara satu negara dengan satu negara yang lain, atau satu masyarakat dengan satu masyarakat yang lain ialah menyeluruh atau tidak menyeluruhnya amalan rasuah itu. Justeru itu harapan untuk membasmi terus semua rasuah adalah tipis. Walau bagaimanapun ini tidak bermakna bahawa kita harus membiarkan atau tolerate rasuah dan tidak pula berusaha untuk menghadapi masalah ini. Sekurang-kurangnya apa yang patut kita lakukan ialah mengurangkan rasuah.
3. Banyak perkara yang menyebabkan rasuah berlaku. Tetapi yang terpenting sekali ialah nilai hidup yang diamalkan oleh sesuatu masyarakat. Jika masyarakat memandang ringan terhadap amalan rasuah dan tidak memandang hina kepada pelaku rasuah, maka rasuah akan menjadi perkara biasa yang akan diamalkan secara terbuka. Tetapi jikalau masyarakat benci kepada pelaku rasuah dan mengutuk amalannya, maka rasuah tidak akan berkembang. Jika ada pun, amalan rasuah ini disembunyikan.
4. Sikap tamak adalah juga sebabnya rasuah berlaku. Ada yang berpendapat bahawa rasuah disebabkan oleh pendapatan yang tidak mencukupi. Jika pendapat ini benar, tentulah mereka yang berpendapatan tinggi tidak akan terlibat dengan rasuah. Tetapi, kita semua maklum bahawa ada yang berpendapatan tinggi meminta rasuah yang lebih banyak. Hakikat ini menjadi lebih jelas lagi apabila sebuah negara yang terkenal kerana rasuah yang berleluasa, cuba mencegah rasuah dengan menaikkan gaji kakitangannya tiga kali ganda tetapi hasilnya ialah, bayaran rasuah yang dituntut juga dinaikkan tiga kali ganda. Jelaslah di sini bahawa rasuah tidak terikat dengan pendapatan atau pangkat. Ia adalah disebabkan oleh perasaan tamak dan haloba.
5. Perasaan tamak manusia boleh dibendung jika masyarakat mengamalkan nilai yang mulia dan berpegang teguh kepada ajaran agama. Sebenarnya jika

seseorang itu menerima rasuah, amatlah sukar untuk mengesan perbuatannya jika amalan itu disembunyikan. Sebab itulah cara mengurangkan amalan rasuah ialah dengan masyarakat memandang keji perbuatan rasuah dan memupuk nilai-nilai yang mulia di kalangan anggota masyarakat sehingga masing-masing membendung nafsu tamak yang mempengaruhi manusia.

6. Mungkin ramai yang akan berkata bahawa amatlah sukar mengembangkan nilai-nilai yang mulia dan membendung perasaan semula jadi seperti tamak ini. Tetapi pada hakikatnya, ada masyarakat yang berjaya berbuat demikian. Kita tidak dapat menafikan bahawa ada masyarakat yang terkenal dengan rasuah dan ada pula yang terkenal kerana kelurusan rakyatnya sehingga tidak sesiapa pun berani menghulurkan rasuah. Justeru itu, bukanlah mustahil untuk memupuk nilai-nilai yang mulia.

7. Tugas mencegah rasuah dan memupuk nilai-nilai yang mulia sudah tentu menjadi sebahagian daripada tugas pemimpin-pemimpin masyarakat. Mereka bukan sahaja harus menyeru kepada amalan yang mulia tetapi mereka juga harus menjadi contoh dan mengamalkan nilai-nilai yang mulia ini. Di sini ada kalanya mereka yang terlibat dengan rasuah atau mempunyai kepentingan tertentu cuba menghalang seruan ke arah nilai-nilai anti-rasuah dengan menuduh bahawa yang menyeru juga terlibat dengan rasuah. Dengan itu seruan ke arah kebaikan akan gagal kerana kredibiliti penyeru diragukan. Mereka yang melakukan rasuah pula akan berkata jikalau yang menyeru pun terlibat, kenapakah mereka mesti membendungkan diri? Perbuatan menggagalkan seruan ke arah kebaikan amatlah tidak bertanggungjawab dan amatlah keji. Orang-orang yang menggagalkan usaha ke arah kebaikan kerana iri hati haruslah dipandang hina oleh masyarakat.

Tuan-tuan dan puan-puan,

8. Kunci pencegahan rasuah ialah membendung perasaan tamak dan mengelakkan daripada amalan berbelanja lebih daripada pendapatan. Dengan perkataan lain, rasuah boleh dielakkan jika kita tahu berjimat-cermat dengan pendapatan kita. Jika kita berjimat, kita tidak akan terperangkap dalam situasi yang mana kita tidak mempunyai wang yang cukup untuk menyara hidup kita. Apabila kita kekurangan perbelanjaan kerana inginkan gaya atau style yang kita tidak mampu, maka lemahlah pendirian kita terhadap sogokan wang. Sekali diterima sogokan, maka kita akan terus menerima rasuah sehinggalah kita dikesan dan didakwa kerana rasuah. Kaedahnya tidak berbeza dengan penagihan najis dadah.

9. Salah satu daripada sebab kenapa pendapatan tidak mencukupi ialah kerana berjudi. Penjudi tetap akan kekurangan wang dan selalu terdesak kerana tidak dapat membayar hutang akibat berjudi. Apabila ini berlaku maka amat mudahlah seseorang itu menerima rasuah. Oleh kerana tabiat berjudi sukar dibendung dan mempunyai asas tamak yang sama, maka penjudi akan tenggelam dalam gelora rasuah.

10. Seperti yang disebutkan diatas, masyarakat yang memandang rasuah

sebagai jenayah yang keji akan dapat membendung rasuah. Bukti sikap masyarakat ialah kesanggupannya untuk bertindak terhadap pelaku rasuah. Jika mereka yang diberi tanggungjawab untuk bertindak terhadap pelaku rasuah tidak sanggup mengambil tindakan, maka rasuah akan berleluasa. Ini dapat dilihat apabila ketua jabatan atau Lembaga Tatatertib jabatan atau kementerian, umpamanya, enggan melapor atau mengambil tindakan terhadap kakitangan dibawah jagaan mereka kerana belas kasihan atau untuk tidak memburukkan imej jabatan atau kementerian. Dengan terlepasnya daripada tindakan, bukan sahaja pelaku rasuah menjadi lebih berani tetapi anggota yang lain juga akan membenarkan diri mereka menerima rasuah. Dengan itu, amalan rasuah akan berkembang.

Tuan-tuan dan puan-puan,

11. Kita di Malaysia masih boleh berbangga kerana rasuah tidaklah seburuk sehingga ia dilakukan secara terbuka. Namun demikian, kita perlu bertindak untuk mengurangkan rasuah yang dirahsiakan yang sedang berlaku.

12. Kesedaran terhadap keperluan inilah yang menyebabkan Kerajaan menubuhkan BPR pada tahun 1967. Tugas BPR ialah mengesan dan mengambil tindakan terhadap anggota Kerajaan dan masyarakat yang terlibat dengan rasuah. Tidak ada sesiapa yang dikecualikan. Ahli-ahli politik yang memegang jawatan yang tinggi dalam Kerajaan pun telah didakwa dan dihukum. Demikian juga pegawai-pegawai tinggi dan rendah.

13. Walaupun kita tidak boleh membuat ramalan tentang berapa banyakkah rasuah akan berlaku jika tidak ada BPR, tetapi kita percaya dengan adanya BPR ianya telah berjaya mengurangkan rasuah di negara kita. Jika tidak rasuah akan berleluasa dan akan menjadi amalan terbuka -- iaitu apabila sesuatu urusan perlu dibuat oleh anggota-anggota Kerajaan, maka bayaran tertentu mesti dibuat.

14. Pencegahan rasuah tidak terhad kepada Kerajaan sahaja. Pegawai dan kakitangan pihak swasta juga diawasi kerana mereka juga boleh mempercepat atau melambatkan sesuatu urusan sehingga orang ramai terpaksa memberi rasuah.

15. Di sini, anggota-anggota Kerajaan dan swasta yang tidak terlibat dengan rasuah tidak harus berasa tersinggung apabila disebut tentang rasuah di kalangan mereka. Tujuan kita mencegah rasuah adalah juga dengan niat memelihara imej mereka yang bersih daripada rasuah. Tentulah mengecewakan jika sesuatu pejabat itu dicap sebagai curang hanya kerana perbuatan oleh satu atau dua orang sahaja. Oleh itu, anggota-anggota yang bersih dan jujur hendaklah membantu usaha-usaha BPR mencegah rasuah yang terdapat di kalangan rakan sekerja mereka.

16. Satu masalah yang dihadapi oleh BPR ialah kelewatan perbicaraan kes-kes rasuah kerana beberapa sebab. Jika kes-kes ini dibawa kepada Lembaga Tatatertib, hukuman yang boleh dikenakan adalah terlalu ringan. Sebaliknya, jika

ditunggu untuk dibicarakan, ia akan mengambil masa yang panjang kadangkala bertahun-tahun lamanya dan mungkin pula saksi-saksi dan pegawai-pegawai akan lupa tentang butir-butir yang diperlukan. Di samping itu, pegawai yang dituduh terpaksa digantung kerja. Jika akhirnya ia didapati tidak bersalah, maka Kerajaan telah kehilangan khidmatnya semasa ia digantung kerja. Sebaliknya jika ia didapati bersalah, maka separuh gaji yang dibayar kepadanya semasa ia digantung kerja adalah sia-sia sahaja.

Tuan-tuan dan puan-puan,

17. Malaysia beransur-ansur melangkah ke arah menjadi sebuah negara perindustrian. Dalam hal ini wang pelaburan kian meningkat di Malaysia melalui para pelabur asing dan para pelabur tempatan. Tidak dapat dinafikan bahawa projek-projek yang menelan belanja yang begitu besar akan menambahkan kemungkinan serta peluang-peluang untuk berlakunya rasuah di kalangan pihak-pihak tertentu. Oleh itu perlulah tuan-tuan dan puan-puan sebagai pegawai-pegawai Kerajaan menyedari tentang perkara ini kerana ia boleh menjejaskan pelaburan asing di negara kita jika usaha-usaha pencegahan rasuah tidak dipertingkatkan.

18. Sehubungan dengan ini, maka adalah wajar dan sesuai bagi BPR menganjurkan Seminar seperti ini untuk mencungkil idea-idea baru supaya kita bersama-sama dapat membantu Kerajaan membanteras rasuah. Langkah pencegahan rasuah hendaklah berterusan supaya negara kita berimej bersih, cekap dan amanah, dan dengan itu dihormati dan menjadi lebih maju.

19. Tugas-tugas BPR untuk membanteras rasuah, penyalahgunaan kuasa dan penyelewengan dalam negara ini janganlah dianggap mudah dan senang dilaksanakan. Tugas-tugas mereka tidak akan menghasilkan kesan yang positif tanpa sokongan, minat dan kerjasama sepenuhnya daripada semua pihak dalam perkhidmatan awam. Dengan itu, adalah menjadi harapan saya agar tuan-tuan dan puan-puan sekalian memainkan peranan yang lebih utama supaya dapat mempengaruhi pegawai-pegawai di bawah jagaan masing-masing memberi kerjasama yang erat kepada BPR dalam usahanya mencegah rasuah. Rasuah adalah satu perbuatan atau amalan yang keji dan dikutuk oleh agama kita. Saya berdoa semoga Seminar ini akan mendatangkan manfaat dan kesan yang besar dalam merangka program-program pencegahan rasuah di negara ini, khususnya dalam perkhidmatan awam.

Tuan-tuan dan puan-puan,

20. Akhir kata, saya sekali lagi berterima kasih kepada Badan Pencegah Rasuah kerana memberi peluang untuk berucap di Seminar ini. Kerajaan berharap Seminar ini akan merupakan satu lagi langkah ke arah membendung gejala rasuah di negara kita. Dengan harapan ini, saya dengan sukacitanya merasmikan Seminar ini. Sekian, terima kasih.